

Sampah sumber pendapatan



Oleh DR. MOHD. YUSOF SAARI

mysaari@gmail.com / yusofsaari_upm@upm.edu.my

SU lambakan sisa plastik di negara ini menjadi topik perbincangan ketika ini. Menurut laporan akhbar *Los Angeles Times*, sebahagian besar sisa plastik yang bertimbun di Pelabuhan Klang, Selangor adalah berasal dari Amerika Syarikat (AS).

Menurut data kerajaan AS, Malaysia mengimport lebih 192,000 tan metrik sisa plastik dalam tempoh 10 bulan pertama tahun lalu sekali gus mencatat kenaikan sebanyak 132 peratus berbanding tahun 2017.

Isu itu bukanlah perkara baharu kerana kadar pelepasan pencemaran seperti sisa pepejal dan karbon akibat daripada penggunaan isi rumah dan aktiviti ekonomi di Malaysia adalah tinggi.

Mengikut perangkaan Bank Dunia, purata kadar pembuangan sisa pepejal oleh isi rumah Malaysia ialah 1.52 kilogram (kg) sehari berbanding dunia iaitu sebanyak 1.2kg sehari.

Pelepasan pencemaran disumbang secara langsung melalui penggunaan isi rumah dan secara tak langsung melalui aktiviti ekonomi. Pembuangan sisa pepejal oleh isi rumah adalah contoh pencemaran langsung.

Pencemaran tak langsung lebih kompleks kerana dihasilkan melalui proses pengeluaran. Ada tiga mekanisme pengeluaran yang menyumbang kepada pencemaran tidak langsung.

Pertama, negara-negara maju memindahkan operasi pengeluaran mereka ke Malaysia melalui pelaburan langsung asing. Kilang yang sudah beroperasi beberapa tahun di negara maju dan tidak lagi cekap dipindahkan ke Malaysia.

Jepun adalah salah satu contoh sebuah negara yang mengguna pakai kaedah itu.



MALAYSIA mengimport lebih 192,000 tan metrik sisa plastik dalam tempoh 10 bulan pertama tahun lalu. – Gambar hiasan

Kedua, negara-negara maju menjual kelengkapan dan mesin serta barang pengguna terpakai ke Malaysia. Contohnya, jentera dan kereta terpakai yang tidak lagi mesra alam sekitar banyak dieksport ke Malaysia.

Ketiga, Malaysia mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan pencemaran tinggi seperti kandungan karbon dan sisa pepejal. Bahan mentah itu diproses di Malaysia untuk menghasilkan barangan lain.

Ekonomi hijau

Adakah kadar sisa pencemaran yang tinggi itu boleh menjadi ancaman kepada Malaysia. Jawapannya ialah tidak jika sisa pencemaran tersebut dikitar semula sebagai produk lain atau sumber penjana tenaga.

Perkembangan ekonomi global yang menjurus ke arah ekonomi hijau adalah merupakan peluang ekonomi kepada Malaysia melalui pemeraksanaan aktiviti ekonomi hijau seperti pengurusan sisa, pemulihan dan kitar semula.

Sumbangan sektor pengurusan sisa, pemulihan dan kitar semula kepada ekonomi Malaysia masih rendah. Sumbangan langsung sektor itu kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) hanyalah sekitar 0.25 peratus. Di Belanda dan Denmark, sektor itu menyumbang masing-masing 0.39 peratus

dan 0.68 peratus kepada KDNK. Jadi, masih banyak ruang dan peluang yang wujud bagi pembangunan sektor tersebut di Malaysia.

Mengimport sisa daripada negara luar bukanlah ancaman kepada alam sekitar Malaysia. Mengimport sisa plastik berpotensi menjadi sumber pendapatan dan kekayaan negara jika diproses semula sebagai bahan mentah kepada produk lain atau bahan penjana tenaga.

Malaysia boleh menjadikan model perniagaan industri hijau di negara-negara Eropah. Contohnya, Belanda menjadi destinasi kelima terbesar eksport sisa plastik dari Britain.

Bagaimanapun, undang-undang di Belanda hanya membenarkan sisa plastik diurus dengan kaedah kitar semula dan penjana tenaga. Ini bermaksud, hayat sisa plastik tersebut tidak berakhir di pusat pelupusan sampah.

Peluang penjana pendapatan dan kekayaan melalui sampah terbuka luas. Ia adalah satu dasar pembangunan ekonomi hijau yang jelas selain sokongan terhadap institusi dan perundangan.

● Prof. Madya. Dr. Mohd. Yusof Saari merupakan pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia.